



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



IMPAK POSITIF PEMBELAJARAN AL-QURAN DALAM TALIAN SEPANJANG PANDEMIK COVID 19

The Positive Impact of Online Quran Learning During the COVID-19 Pandemic

Wan Hilmi Wan Abdullah^{1*}, Wan Fakhru Razi Wan Mohamad², Mohamad Zulkifli Abdul Ghani³
& Mahyudin Daud⁴

¹Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
Bangi, Selangor. Malaysia.

²Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.
Malaysia

³Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor. Malaysia.

⁴Program Pendidikan Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

hjmiey@ukm.edu.my (Corresponding author)

Abstrak

Pembelajaran ini adalah sesuatu perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Jika sebelum ini proses pembelajaran dilaksanakan menggunakan kaedah bersemuka, namun disebabkan penularan wabak Covid-19 ini, kaedah tersebut tidak dapat dilakukan dan hanya belajar di dalam talian sahaja. Kajian ini bertujuan menganalisis impak positif pembelajaran al-Quran secara dalam talian. Metodologi kajian ini adalah reka bentuk kualitatif. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen seperti artikel jurnal, prosiding dan kertas kerja. Analisis data dilakukan secara analisis kandungan menggunakan perisian Atlas t.i. Hasil kajian mendapati pembelajaran al-Quran secara dalam talian memberikan impak positif terhadap pelajar yang sering mengikuti pengajian tersebut. Impak positif tersebut ialah meningkat keyakinan pelajar untuk mempelajari al-Quran kerana tidak perlu berasa malu kerana tidak bersemuka. Ia juga menambahkan minat pelajar dalam pembelajaran sepanjang hayat (*Lifelong Learning*). Pelajar juga dapat belajar mengikut kadar sendiri di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Selain itu, penggunaan kos dapat dijimatkan apabila menggunakan sistem pembelajaran secara dalam talian ini. Platform ini juga dapat menjaga masa daripada terbuang begitu sahaja serta dapat diisi dengan perkara berfaedah yang memperoleh pahala kerana mempelajari al-Quran sebagai risalah agung yang dibawa oleh Nabi SAW. Implikasi kajian ini ialah pembelajaran al-Quran secara dalam talian memberikan impak positif dan pengalaman bernilai kepada pelajar yang melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran dan pengkajian dalam aspek kemahiran tilawah al-Quran.

Kata Kunci: Pembelajaran, al-Quran, Impak, Dalam talian, Pandemik

Abstract

Learning is an important thing in human life. If previously the learning process used face-to-face method, but due to the spread of the Covid-19 epidemic, the method could not be implemented and only learned online. This study aims to analyse the positive impact of learning the Quran online. The methodology of this study is qualitative design. Data collection was done through analysis of documents such as journal articles, proceedings and working papers. Data analysis was done by content analysis using Atlas t.i software. The results of the study found that learning the Quran online has a positive impact on students who often follow the study. The positive impact is to increase students' confidence to learn the Qur'an because there is no need to feel ashamed of not being face to face. It can also increase students' interest in lifelong learning. In addition, students can also study at their own pace anywhere and anytime. The use of costs can be saved when using this online learning system. This online platform can keep time from being wasted and can be filled with beneficial things that earn rewards for studying the Qur'an as a great treatise brought by the Prophet SAW. The implication of this study is that online al-Quran learning provides a positive impact and valuable experience to students who engage in learning and research activities in the aspect of al-Quran recitation skills.

Keywords: Learning, Quran, Impact, Online, Pandemic

PENGENALAN

Landskap pendidikan terutamanya dari sudut pengajaran dan pembelajaran telah banyak berubah disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Oleh hal yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran yang dahulunya dilakukan secara bersemuka telah berganti melalui kaedah dalam talian sepenuhnya. Segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka terpaksa dihentikan dan dijalankan sepenuhnya secara dalam talian dalam tempoh pelaksanaan PKP (Ehwan Ngadi, 2020). Banyak sektor-sektor pengajian yang terpaksa ditutup dan dilaksanakan secara dalam talian antaranya pembelajaran al-Quran.

Jika ditinjau dari aspek penerimaan pembelajaran secara talian, para pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap platform tersebut. Ini disokong oleh kajian Siti Balqis Mahlan (2020) telah menunjukkan peratusan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian berada pada tahap yang tinggi iaitu 75.5%. Laporan tersebut dijadikan sebagai panduan untuk menetapkan kaedah pengajaran yang bersesuaian dalam melaksanakan PdP secara talian terutamanya ketika keadaan kritikal seperti PKP ini. Dalam kajian Anuar Hasin (2020) pula mendapati bahawa 70% pelajar telah berpuas hati dan berpendapat bahawa PdP secara dalam talian yang dilaksanakan adalah satu inisiatif yang baik. Manakala kajian oleh Normah Husin (2021) mendapati 55% pelajar menegaskan pengajaran dan pembelajaran dalam talian memberi impak yang positif iaitu mudah dan cepat walau di mana berada tidak mengira masa.

Oleh kerana keadaan wabak pandemik yang masih belum berakhir sepenuhnya, maka aktiviti seperti *tasmi'* al-Quran yang diadakan secara bersemuka sebelum ini, tidak dapat dilaksanakan dan terpaksa diganti dengan kaedah *tasmi'* secara talian. Ini kerana tidak mahu pencapaian pelajar dalam *tasmi'* merudum. Oleh itu, bagi guru yang ingin mengetahui pencapaian pelajar, tahap pencapaian, mengetahui kesusilaan bacaan dan meningkatkan prestasi semasa, alternatif kegiatan *tasmi'* hendaklah dijalankan secara dalam talian (Ismail, A et al, 2020)

Pembelajaran al-Quran sangat penting kerana ia adalah mukjizat terbesar Nabi SAW yang merangkumi pelbagai aspek termasuk aspek bacaan (Yusuf Ahmad, 2005). Selain al-Quran yang disampaikan oleh baginda SAW dengan turut memiliki *i'jaz* dalam konteks suara bacaan (M.Shihab, 2000). Ini ditegaskan oleh mufti wilayah persekutuan bahawa belajar mengaji dalam talian merupakan suatu wasilah untuk mendapatkan ilmu membaca al-Quran dengan menggunakan teknologi yang pelbagai (Irsyad al-Fatwa, 2020).

Penerimaan positif pelajar terhadap pembelajaran dalam talian telah menunjukkan kesediaan pelajar untuk menimba ilmu. Teknologi dalam talian memudahkan lagi proses pembelajaran dilakukan di mana sahaja tidak mengira waktu (Nur Amanina et al, 2021). Pembelajaran secara talian menggunakan platform yang pelbagai. Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid (2021) menjelaskan bahawa pemilihan pembelajaran dalam talian dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan perisian sama ada Google Meet, Zoom, Webex dan lain-lain perisian bagi memudahkan para guru dan pelajar.

Hasil pembelajaran secara dalam talian dapat mengenal pasti beberapa tema utama yang menyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Kajian Rasmitadila et al, (2020) mendapati empat tema utama, iaitu strategi pengajaran, cabaran, sokongan dan motivasi guru. Penyelidikan ini menyumbang kepada literatur pembelajaran kolaboratif dalam talian antara guru, ibu bapa, dan sekolah yang mempengaruhi kejayaan pelajar.

Justeru itu, penerimaan terhadap teknologi dalam talian memberi impak positif kepada aktiviti pembelajaran pelajar, melahirkan pelajar yang berdaya saing sekali gus mampu meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar setanding dengan usaha yang dilakukan (Amanina, N, et al, 2021).

Impak Positif Pembelajaran al-Quran Secara Dalam Talian

Terdapat enam belas impak positif yang diperoleh daripada pembelajaran al-Quran secara dalam talian. Berikut adalah impak positif tersebut;

1. Rakaman pembelajaran al-Quran boleh diakses semula

Kandungan pembelajaran al-Quran menggunakan platform dalam talian boleh diakses kembali setelah selesai proses pengajaran. Menurut Roshlawaty Raieh (2021), para pensyarah mempunyai kemudahan untuk merakam setiap aktiviti pembelajaran al-Quran yang dilakukan dan boleh dimuat naik ke dalam pelbagai platform seperti *youtube*, *instagram*, *whatsapp* dan sebagainya. Pelajar akan lebih mudah untuk mengakses kembali dan melihat semula video-video yang direkodkan pada bila-bila masa dan di mana jua berada.

Dengan kaedah tersebut, para pelajar juga sentiasa boleh mengingati setiap perkara yang diajarkan oleh pensyarah kerana mempunyai kemudahan untuk mengakses semula rakaman pembelajaran. Hal ini membantu dalam meningkatkan prestasi bacaan al-Quran pelajar terutama dalam peperiksaan atau ujian yang

dijalankan kerana mereka dapat mengulang kembali teknik dan kaedah bacaan yang betul di samping nada yang bersesuaian dengan ayat al-Quran .

Mohd et al, (2019) juga menyatakan bahawa kesediaan pelajar dalam proses pembelajaran dalam talian berada pada kadar yang agak tinggi. Hal ini kerana dapat membuatkan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan dalam sesi pembelajaran. Bagi para pelajar yang mempunyai masalah untuk menghadamkan kandungan pembelajaran dan bacaan suara yang betul ketika pembelajaran yang berlaku secara langsung dan bersemuka, mereka boleh membuka semula rakaman video sesi pembelajaran yang telah dimuat naik di platform tertentu untuk mengulang kaji semula dan mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pembelajaran kemahiran al-Quran ini. Ini kerana salah satu aspek untuk menguasai kemahiran al-Quran adalah para pelajar hendaklah sentiasa melakukan latihan ulangan atau latih tubi terhadap teknik lontaran suara sambil menggunakan video rakaman sebagai rujukan.

Menurut Baharum, A. S, et al, (2020), sebagai seorang mahasiswa perlu ambil inisiatif kembali melihat rakaman video yang direkodkan. Jadi, tiada masalah jika mahasiswa tertinggal dalam sesuatu bab yang dipelajarinya.

2. Meningkatkan keyakinan pelajar untuk al-Quran

Menurut Azizi Ahmad (2016), pembelajaran secara dalam talian meningkatkan kemahiran komunikasi, motivasi diri dan keyakinan diri. Hal ini dapat dilihat pada kebanyakan para pelajar yang mempelajari ilmu kemahiran ini berasa malu dan tidak mempunyai motivasi diri untuk menunjukkan bakat sebenar yang terpendam dalam diri mereka terutama teknik pengurusan nada suara bacaan. Justeru, melalui pembelajaran secara dalam talian, para pelajar tidak perlu bersemuka dengan orang lain dan mempunyai pilihan sama ada mahu membuka kamera ataupun tidak. Kebanyakan pelajar kurang berkeyakinan untuk mengeluarkan suara kerana perasaan sikap malu yang menebal jika orang lain melihat reaksi muka mereka ketika melantunkan nada tinggi. Oleh demikian, motivasi dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau tuntutan adalah sangat penting bagi merealisasikan keberkesanan. Kajian Zainal Ariffin Ahmad (2009) menjelaskan bahawa motivasi diri sangat mempengaruhi haluan, ketekunan dan kegigihan seseorang secara sukarela (Steers et al., 2004).

Jika latihan di dalam talian dilakukan, para pensyarah akan meminta pelajaranya untuk mengulangi bacaan kembali. Maka di sini, perasaan takut dan malu dari para pelajar sudah berkurangan kerana sudah mempunyai pilihan sama ada mahu membuka kamera atau tidak, selebihnya hanya membuka mikrofon untuk mengulang bacaan oleh pensyarah tersebut.

Di sini jelas bahawa motivasi diri pelajar mulai ada peningkatan kerana tidak lagi risau dan bimbang dengan sindiran atau cemuhan dengan suara bacaan dilontarkan kerana pelajar beranggapan inilah proses pembelajaran yang sebenar perlu dilalui bagi mengasah kemahiran membaca. Para pelajar juga akan lebih mudah untuk berlatih di kediaman kerana di situ tiada orang lain yang dapat melihat dan memerhati di samping mempunyai kebebasan serta berdikari dalam melaksanakan sesuatu perkara. Hal ini sangat berbeza ketika berada di kolej yang mempunyai kapasiti ramai pelajar dan mereka berasa malu hendak berlatih di hadapan kawan-kawan yang sesama kolej. Konsep pembelajaran secara bertanggungjawab, bebas dan berdikari ini selaras dengan Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) untuk Institusi Pengajian Tinggi (Asia e-University, 2010) di mana e-Pembelajaran (*E-Learning*) membentuk pelajar yang aktif dan bertanggungjawab, bebas dan berdikari dalam pendidikan. Menurut Nopa Yusnilita (2020) pelajar merasa lebih yakin mengikuti pembelajaran dalam talian secara bersemuka di kelas.

3. Melahirkan individu yang mempunyai kemahiran pembelajaran al-Quran sepanjang hayat (*Life Long Learning*)

Dalam aspek pendidikan, sekolah dan institut pendidikan tinggi (IPT) turut mengubah kaedah pelaksanaan pendidikan kepada dalam talian sepenuhnya. Pembelajaran dalam talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Lifelong Learning*). Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat ini adalah salah satu kemahiran utama dalam Kemahiran Abad Ke-21 yang perlu dikuasai oleh setiap individu untuk berjaya. Ilmu dan teknologi yang dimiliki pada hari ini akan ketinggalan dan lapuk pada masa hadapan. Oleh demikian, pelajar perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan agar selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat agar menjadi manusia yang relevan kepada pembangunan dan kemajuan negara (Mohd. Zohadie, 2002). Kemahiran ini memerlukan seseorang yang mampu menentukan apa yang perlu dipelajari, mencari maklumat dan bahan untuk dipelajari, mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajarannya dengan melakukan penaksiran sendiri ataupun dengan cara lain. Pembelajaran sepanjang hayat memperkenalkan bidang objektif

yang luas dan didefinisikan seperti berikut, “semua aktiviti pembelajaran yang diikuti adalah bertujuan untuk menambah pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan tahap kecekapan setiap orang atau perspektif yang ada hubungan dengan pekerjaan (European Commission, 2001).

Dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat seperti yang didefinisikan oleh OECD (*Organisation for Economic Cooperation and Development*) adalah untuk menjadikan individu dalam sesebuah masyarakat yang didorongkan untuk terus belajar menerusi hayat mereka sama ada secara formal mahu pun tidak formal (OECD 1996). Teori pembelajaran konstruktif adalah sangat bertepatan untuk menjelaskan pembelajaran sepanjang hayat ini. Menurut teori ini, ilmu dibina oleh pelajar di atas ilmu yang sedia ada melalui pengalaman pembelajaran yang tertentu.

Pemilikan pembelajaran adalah kepada pelajar itu sendiri dan mereka perlu berperanan sebagai seseorang yang menentukan apa yang ingin dipelajari dan bagaimana. Justeru, apabila pelajar telah menentukan hala tujunya, maka motivasi untuk menekuni isi kandungannya datang secara intrinsik daripada pelajar. Peningkatan nilai tambah individu melalui proses pembelajaran secara berterusan yang membolehkan individu untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk mengaplikasikannya ke dalam kehidupan seharian (Rubani, 2016). Demikian konsep pembelajaran sepanjang hayat yang perlu diterapkan pada diri pelajar dalam pembelajaran secara dalam talian khususnya mengenai pembelajaran ilmu tarannum supaya mereka menjadi seseorang penuntut yang berkualiti dan sendiri sepanjang masa.

4. Belajar ilmu al-Quran mengikut kadar sendiri di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa

Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah landskap norma hidup manusia. Dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), setiap individu yang tidak mempunyai peranan khusus dalam perkhidmatan utama perlu berada di rumah masing-masing, kurangkan pergerakan dan kurangkan bersentuhan (kontak). Dalam musim PKP, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa PKP bermula 1 April 2020 yang merangkumi pembelajaran secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi *Google Classroom*, *Google Meet*, *Microsoft Teams*, *Webex Cisco* dan aplikasi-aplikasi yang lain agar para pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan. Penekanan sangat diutamakan bagi meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan kepada semua peringkat sejajar dengan pendemokrasian dasar pendidikan (Mohd. Ismail, 2005). Ini berbeza dengan persediaan kelas tradisional, pembelajaran dalam talian lebih-lebih lagi berkaitan subjek kemahiran al-Quran membolehkan para pelajar belajar di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa yang diinginkan, di samping memberikan kemudahan kepada para pensyarah dan juga guru-guru untuk mengadakan kelas atau perjumpaan secara maya (*Virtual Meeting*) yang berlangsung di kediaman (*Work From Home*) tanpa bersusah payah untuk pergi ke tempat kerja.

Hal demikian kerana mereka tidak perlu berurusan dengan perjalanan dan kesesakan lalu lintas, tergesa-gesa bangun di awal pagi untuk ke kelas dan resah untuk sampai awal ke tempat kerja atau dewan kuliah, namun mereka diberi kemudahan untuk belajar dari rumah dengan suasana lebih kondusif dan teratur. Hal ini memainkan peranan penting dalam menyediakan saluran pemindahan pengetahuan dan kemahiran secara formal dan bersifat fleksibel kepada pelajar (Husin, 2013).

Mengikuti pembelajaran al-Quran secara dalam talian memberikan mereka pilihan untuk belajar dalam suasana yang paling kondusif sama ada di bilik, perpustakaan, ruang tamu ataupun tempat-tempat yang lain. Apa yang diperlukan hanyalah sebuah komputer riba atau tablet atau telefon pintar dengan sambungan Internet yang pantas. Hal ini memberikan seribu satu kemudahan dan manfaat kepada para pelajar untuk menuntut ilmu lebih-lebih lagi ilmu kemahiran al-Quran.

Selain dari itu, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian khususnya pembelajaran tarannum secara dalam talian membolehkan para pelajar untuk mengakses semula video-video yang telah direkodkan oleh para pensyarah atau guru untuk tontonan semula supaya mereka dapat mengulang kaji dan memahami dengan lebih mendalam ilmu yang dipelajari tersebut. Fleksibiliti yang dibina dalam kandungan kuliah itu boleh membuka ruang yang lebih besar dalam memastikan pelajar memberikan perhatian sepenuhnya (Lucas dan Bernstein, 2005).

5. Menjimatkan kos

Menjimatkan kos merupakan impak positif yang diperoleh ketika pembelajaran al-Quran secara dalam talian sepanjang pandemik Covid-19. Hal ini kerana pelajar tidak perlu lagi mengeluarkan belanja lebih seperti keperluan makanan dan minuman dan kos perjalanan kerana sudah berada di kediaman masing-masing. Umum mengetahui bahawa sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, proses pembelajaran diadakan di kelas tutorial atau dewan kuliah besar di pusat pengajian, namun kini pelajar dapat menghadiri kelas pengajian dengan hanya menggunakan telefon pintar atau komputer riba sahaja. Walau pun tidak dapat

bersemuka dengan guru secara berdepan, tetapi dapat bersemuka dan berhubung antara satu sama lain secara maya melalui pautan video konferensi yang disediakan.

Selain itu, kegiatan pembelajaran menggunakan medium dalam talian juga dapat mengurangkan kos pengurusan dan pentadbiran sesuatu jabatan atau agensi. Hal ini dinyatakan oleh Ahmad Juhairi Sibes dan Norbaizura Sani (2011), e-pembelajaran membantu pihak pentadbiran dan pengurusan dalam menjimatkan perbelanjaan kewangan, operasi pengubahsuaian dan memantau perkembangan pelajar serta penjimatan perbelanjaan kewangan adalah tidak mustahil kerana berlakunya pengurangan dalam kos perjalanan untuk tujuan berkaitan pengajaran dan pembelajaran.

6. Penggunaan kandungan bahan belajar

Penggunaan kandungan bahan belajar seperti *e-book*, *slide*, *pdf*, video dan aplikasi juga merupakan impak positif dalam pembelajaran tarannum dalam talian. Kewujudan bahan kandungan belajar yang boleh didapati secara meluas dalam internet sememangnya untuk tujuan pembelajaran secara atas kerana ia mudah dipancarkan di skrin dan dapat digunakan dengan pantas melalui telefon pintar dan tablet, memudahkan lagi pengaksesan maklumat di hujung jari. Sebagai contoh penggunaan aplikasi *E-Learning Tarannum Course* yang mengandungi *e-book* terus dapat diakses oleh pelajar dengan pantas. Justeru, proses pembelajaran tarannum menjadi lebih mudah dan cepat dengan bahan-bahan tersebut. Buku berbentuk elektronik ini bersifat tanpa wayar dan beroperasi dalam bentuk jaringan Internet atau rangkaian setempat (*Local Area Network*) (Gandhi 2001; Godwin 2003). Kandungan media boleh wujud dalam pelbagai bentuk, termasuk dalam format digital yang boleh diedarkan menerusi dalam talian (Song, 2012).

Dengan penggunaan bahan kandungan belajar, pelajar dapat mengenali ilmu kemahiran al-Quran dengan lebih dekat di samping memperkuat jati diri dengan al-Quran bagi membentuk Muslim yang sejati. Penggunaan bahan kandungan belajar juga pelajar dapat mengetahui asal usul ilmu al-Quran, tokoh penyusun kitab, matan-matan ilmu dan sebagainya. Sebagai contoh, mengenal ilmu seni tarannum al-Quran yang telah berkembang di Malaysia melalui pedagang-pedagang Arab. Pengajian ilmu seni itu yang diketahui bermula di Nusantara semenjak pada kurun ke-10 hingga ke-15 Masihi sebelum kedatangan penjajah Barat (Najmiah dan Zulkifli@Md. Yaakub, 2016).

Muhammad Izzat et al, (2020) tambahan lagi, bahan pembelajaran juga lebih mudah untuk diakses dengan pantas di mana-mana sahaja tanpa mengira waktu dan sempadan, malah ia juga mengandungi pelbagai sumber-sumber rujukan termasuk daya tarikan yang menarik dari segi penggunaan multimedia dan grafik.

7. Mengisi masa lapang pelajar dengan mempelajari ilmu al-Quran

Sewaktu pandemik Covid-19, pergerakan rakyat agak terbatas. Pihak kerajaan telah menjalankan prosedur operasi standard (SOP) yang menghad kebanyakannya aktiviti mahu pun rekreasi di luar rumah. Berikutan itu, bagi menangani situasi stres atau kemurungan akibat lama berkurung, maka pembelajaran al-Quran menjadi salah satu aktiviti untuk menghilangkan rasa bosan ataupun tekanan yang membelenggu diri disebabkan tiada apa-apa kegiatan yang boleh dilaksanakan.

Kelas pembelajaran kemahiran al-Quran juga memberi peluang kepada pelajar untuk mencungkil bakat mereka yang terpendam. Hal ini kerana, apabila mereka dapat menguasai gaya bacaan, mereka boleh mewakili universiti mereka dalam pertandingan berkaitan. Tambahan pula, dalam silibus pembelajaran kemahiran tilawah al-Quran, terdapat pelbagai gaya bacaan yang boleh dialunkan oleh mereka. Justeru, mereka boleh mengisi masa lapang mereka dengan membuat latihan bacaan bagi menyesuaikan diri dengan gaya bacaan yang berbeza. Kesimpulannya, kelas pembelajaran al-Quran secara dalam talian amat membantu pelajar dalam mengisi masa lapang dan ia adalah salah satu aktiviti yang amat sesuai untuk dilakukan dalam situasi sekarang.

8. Ilmu al-Quran dapat memupuk nilai-nilai positif dalam diri pelajar

Selain dari itu, antara impak positif kelas kemahiran tilawah al-Quran secara dalam talian adalah dapat memupuk nilai-nilai positif dalam diri pelajar. Hal ini disebabkan selain mempelajari ilmu asas kemahiran tilawah dan seni bacaan, pelajar juga dapat mempelajari isi kandungan al-Quran semasa mengikuti kelas tersebut. Abd. Mukhid (2016) menjelaskan bahawa dalam al-Quran terdapat banyak dasar yang membincangkan tentang akhlak dan karakter seseorang Muslim yang terpuji seperti perintah untuk melakukan kebaikan dan amal, memenuhi janji, sabar, tidak berbohong, takwa kepada Allah, berlaku adil dan sentiasa memaafkan.

Menurut Jamil Abdul Aziz (2017), menghafal al-Quran merupakan salah satu cara untuk memupuk nilai-nilai al-Quran dalam diri dan kelakuan seseorang Muslim. Tambahan pula, impak positif apabila menjalankan aktiviti menghafal al-Quran ialah pelajar dapat fokus dalam pelajaran dan mampu membentuk karakter seorang Muslim yang baik.

9. Membentuk proses pembelajaran yang optimum mengikut keperluan dan kemampuan pelajar

Menurut Nur Amanina (2021), sumber-sumber yang diperlukan juga mudah diakses dan dicari tatkala pelajar menggunakan teknologi dalam talian bagi membentuk proses pembelajaran yang optimum mengikut keperluan dan kemampuan pelajar. Pelajar akan menerima dengan baik kemudahan capaian sumber dalam pembelajaran. Akses yang baik memainkan peranan penting bagi menjayakan kaedah pembelajaran al-Quran secara dalam talian. Hal ini kerana teknologi digunakan bagi menyebarkan maklumat antaranya adalah sumber pendidikan. Oleh itu, para pelajar disarankan agar berani untuk menguasai penggunaan teknologi supaya pelajar boleh meneroka sesuatu pembelajaran dengan baik.

10. Pembelajaran secara fleksibel

Menurut Nur Amanina (2021), pembelajaran secara dalam talian mampu membantu para pelajar untuk mencorakkan pembelajaran sendiri mengikut kemampuan masing-masing. Pelajar akan dapat mengulang kaji pelajaran secara fleksibel bagi memenuhi keperluan semasa dan berkongsi bahan. Che Murat et al., (2020), pembelajaran dalam talian adalah fleksibel, membolehkan pelajar mengakses pendidikan di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa serta lebih fleksibel mencari rujukan tersendiri tanpa had.

Menurut Mohd Shafie (2020) implikasi kajian ialah memberi jangkaan awal berkaitan masalah dan persediaan menghadapi wabak COVID-19 dan membuka ruang kepada pilihan-pilihan alternatif dalam PdP OLL ke arah sistem IPG yang lebih fleksibel dan dinamik. Menurut Muhammad Izzat et al. (2020), penggunaan E-Pembelajaran (E-Learning) sememangnya lebih fleksibel di dalam pembelajaran secara maya. Manakala R. Kurniawan (2012) menekankan kelebihan e-pembelajaran yang boleh dijalankan di mana-mana saja dan pada bila-bila masa.

11. Pembelajaran sendiri

Menurut Nur Amanina (2021) dengan adanya kaedah pembelajaran secara dalam talian, pelajar kini lebih sedar akan kelebihan teknologi tersebut dan bersedia mengadaptasikannya dengan betul dalam mencorakkan pembelajaran sendiri. Pembelajaran dalam talian sebegini dapat mendidik para pelajar agar lebih berdikari (Hussin et al., 2020). Donggil Song & Curtis J. Bonk (2016) Menurut Hasilnya menunjukkan bahawa aliran utama pembelajaran informal (*online*) yang diarahkan sendiri melalui sumber dalam talian mendapat kebebasan, pilihan, kawalan, bertambah minat dan penglibatan sendiri.

12. Meningkatkan motivasi belajar

Bani Hidayat Mohd Shafie (2020) E-learning dapat membantu dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pelajaran dan membantu mereka untuk menjadi pelajar yang mampu belajar secara sendiri. Menurut Baharun, A, S, (2020) pensyarah banyak membantu untuk menaikkan semangat dalam meneruskan pembelajaran dalam talian sepanjang Semester 2 ini. Pensyarah banyak memberi nasihat, kata-kata semangat, bantuan secara langsung dan tidak langsung dalam mata pelajaran ilmu *Soraf* dan setiap tugas yang perlu dilakukan untuk semester ini.

13. Pembelajaran yang efektif dan efisien

Menurut Hargis et al., (2013) pembelajaran dalam talian adalah satu proses pembelajaran yang efektif dan efisien. Nopa Yusnilita (2020) menjelaskan secara ringkas, pembelajaran dalam talian memberi pelajar kaedah praktikal dan fleksibel dalam pembelajaran, ia juga menjadikan mereka lebih kreatif dan aktif. Pembelajaran dalam talian memberi mereka beberapa faedah dalam pembelajaran.

14. Pembelajaran lebih mudah

Nopa Yusnilita (2020) menjelaskan bahawa pelajar menjawab bahawa kelas pembelajaran dalam talian lebih mudah daripada kelas. Mohd Syahrani Jailani et al, (2020) menjelaskan nilai positif pembelajaran jarak jauh itu sendiri seperti kemudahan, akses kepada pembelajaran bila-bila masa dan di mana sahaja, kecukupan kos pendidikan untuk pelajar, meningkatkan pengetahuan IT dan sebagainya.

15. Membentuk idea sendiri

Donggil Song & Curtis J. Bonk (2016) menyatakan bahawa sumber dalam talian untuk pelajar yang diarahkan sendiri untuk mencipta pengetahuan dan idea mereka yang diarahkan sendiri.


16. Kualiti pembelajaran lebih tinggi

Menurut Nopa Yusnilita (2020), pelajar berpendapat pembelajaran dalam talian dapat meningkatkan kualiti pembelajaran yang tinggi. Sementara 70% guru selalu menampung pelajar mereka dalam pembelajaran. Guru juga memberi mereka maklum balas setelah mereka menghantar tugasan dan lebih ramai pelajar merasa lebih yakin dengan pembelajaran dalam talian.

17. Keberkesanan diri

Menurut Pavan Kumar (2021) hasil kajian menekankan pentingnya keberkesanan diri untuk belajar dalam talian. keberkesanan diri untuk belajar adalah berkaitan dengan kepuasan pelajar. Pembelajaran terarah sendiri (SDL) tidak menjadi peramal kepuasan pelajar yang kuat. Namun, hasil menunjukkan bahawa orang yang cenderung ke arah disiplin diri dalam mengurus waktunya dengan baik, menetapkan tujuan pembelajaran mereka, berunding dengan orang lain untuk menyelesaikan masalah pembelajaran, dan berminat dengan prestasinya adalah orang yang berpuas hati dengan persekitaran pembelajaran dalam talian.

Rajah 1 Impak Positif Pembelajaran al-Quran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid 19



KESIMPULAN

Kajian ini mendapati banyak impak yang positif diperolehi daripada pembelajaran al-Quran secara talian. Impak positif tersebut adalah rakaman pembelajaran al-Quran boleh diakses semula, meningkatkan keyakinan pelajar untuk al-Quran, melahirkan individu yang mempunyai kemahiran pembelajaran al-Quran sepanjang hayat (*LifeLong Learning*), belajar ilmu al-Quran mengikut kadar sendiri di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa, menjimatkan kos, penggunaan bahan kandungan belajar, dapat mengisi masa lapang pelajar dengan

mempelajari ilmu al-Quran, ilmu al-Quran dapat memupuk nilai-nilai positif dalam diri pelajar, membentuk proses pembelajaran yang optimum mengikut keperluan dan kemampuan pelajar, pembelajaran secara fleksibel, pembelajaran sendiri, meningkatkan motivasi belajar, pembelajaran yang efektif dan efisien, pembelajaran lebih mudah, membentuk idea sendiri, kualiti pembelajaran lebih tinggi dan keberkesanan diri. Implikasi kajian ini adalah memberi isyarat pembelajaran al-Quran secara dalam talian memberikan impak yang positif dan pengalaman yang berharga kepada pelajar yang melibatkan diri dengan pembelajaran dan penerokaan dalam ilmu kemahiran tilawah al-Quran.

Rujukan

- Ahmad Juhairi Sibes dan Norbaizura Sani. 2011. Pelaksanaan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ahmad, A. 2016, September 27). *Apa yang anda akan perolehi dari pembelajaran di atas talian?* Rencana - GPS Bestari. <https://www.gpsbestari.com/artikel/rencana/apa-yang-anda-akan-perolehi-daripembelajaran-di-atas-talian-1.566600>
- Amanina, N., Hamid, A., Jasmy, M., & Rahman, A. 2021. Penerimaan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran Dalam Talian: Tinjauan Di Daerah Muallim Perak (The Acceptance of Higher Learning Institution Students Towards Online Learning: Survey in Muallim District Perak) 3: 164–173.
- Anuar bin Hasini, Z. binti D. & N. bin A. 2020. Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Ilmu Tajwid Secara Dalam Talian Dalam Fasa PKP: Kajian Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia | USIM Research.
- Baharum, A. S., Nathir, K. A. M., & Nawi, A. 2020. Persepsi Pelajar Sorof Ii (Bal1023) Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP): Satu Tinjauan. *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020)*, 331–338.
- Ehwan Ngadi. 2020. COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Diperolehi semula melalui laman web <http://usim.edu.my/COVID19implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian> pada 7 September 2020.
- Etika Kerja UPM dan Anugerah Fellowship Naib Canselor.
- European Commission. 2001. “Innovation in a knowledge-driven economy”. Luxembourg:European Commission. 20 September.
- Gandhi, Subash. 2001. E-Book – The future of reading and ultimate book Publishing. *Journal of Educational Technology System* 29(1): 49-66.
- Godwin, J.R. 2003. E- Books and the tablet PC. *Language Learning & Technology* 7(1): 4 - 8.
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T., & Soto, M. 2014. A Federal Higher Education iPad Mobile Learning Initiative: Triangulation of Data to Determine Early Effectiveness. *Innovative Higher Education*, 39 (1), 45–57.
- Husin, N. 2021. Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Dalam Kalangan Pelajar Program Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). *Jurnal Pengajian Islam*, 14(Edisi Khas), 106–119.
- Husin. 2013. Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) My3L Peringkat Zon Selatan Media: Teks Ucapan Majlis Perasmian Penutup dari Majalah Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) My3L Peringkat Zon Selatan dicapai 26 Ogos 2014.
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke- 494 : Bolehkah Mengaji Al-Quran Secara Atas Talian (Online) Berduaan Berlainan Jantina. 15 April 2020
- Ismail, A., Osman, K., & Hassan, N. H. binti. 2020. Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19. *Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik Covid -19*, 110–116.
- Jamil Abdul Aziz. 2017. Pengaruh Menghafal Al-Quran Terhadap Pembentukan Karakter Peserta Didik Di Roudhotul Atfal (RA) Jamiatul Qurra Cimahi. *Jurnal Ilmiah Tumbuh Kembang Anak Usia Dini*. Vol. 2 No. 1. <http://ejournal.uin-suka.ac.id/tarbiyah/goldenage/article/view/1357/1195>
- Jailani, M. S., Sutrisno, S., & Siddik, M. M. 2020. The Impact of Online Learning Policy during the Covid-19 Pandemic: An Analysis of Islamic Education. *INNOVATIO: Journal for Religious Innovation Studies*, 20(2), 151–166.
- Mailis, M. I., Zaini, Z. H., & Hassan, N. H. 2020. Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 88–99.

- Mailis, M. I., Zaini, Z. H., & Hassan, N. H. 2020. Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 88–99.
- Mohd Shafie, B. 2020. Pelaksanaan PdPc Dalam Talian (OLL) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 Dan 2 Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 213-221.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2005. Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohd Zulhasnan Mat, Fadli Bacho & Sharifuddin Rapin. (2019). Kesediaan Pelajar dalam M- Pembelajaran bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 3(1), 103-111.
- Mohd. Ismail Othman. 2005. “Undang-undang Untuk Pengetua dan Guru Besar”. PTS Publishing Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Mohd. Zohadie Bardaie. 2002. Majlis Pelancaran Pelan Strategi UPM 2001 – 2010.
- Mokhtar, N. H. 2020. *Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*. UTM NewsHub. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaranatas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/> akses 7 April 2020.
- Muhammad Quraish Shihab, M.A. 2000. *Wawasan al-Quran*. Indonesia. Penerbit Mizan Khazanah Ilmu-Ilmu Islam.
- Mukhid, A. 2016. Konsep Pendidikan Karakter Dalam al-Qur’an. Nuansa: *Jurnal Penelitian Ilmu Sosial dan Keagamaan Islam*. Vol. 13No.2.
- Murat, N. C., Din, R., & Alias, M. H. 2020. Kesediaan Pelajar Tingkatan 6 Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Pendidikan. *Journal of Personalized Learning*.
- Najmiah, O., & Zulkifli@Md. Yaakub, M. Y. 2016. Perkembangan Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Pada Zaman Pra-Merdeka Sehingga Tahun 2014. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 13, 105–117.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. 2020. Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia. *Kolej Komuniti Bentong*
- Nor Sahara Mesman, & Zulkarnain Abd Majid. 2021. Kajian kesediaan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) membendung Covid-19 Fasa 2. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(1), 195–202.
- Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD). 1996. “Lifelong Learning for All. OECD: Paris.
- Pavan Kumar, S. 2021. Impact of online learning readiness on students satisfaction in higher educational institutions. *Journal of Engineering Education Transformations*, 34(Special Issue), 64–70.
- Raieh, R. 2021. *Sekolah kembali laksanakan PdPR, ini 3 teknik yang boleh cikgu guna sepanjang kaedah itu berlangsung*. Tip Mengajar - GPS Bestari. <https://www.gpsbestari.com/tip/tip-mengajar/sekolah-kembali-laksanakan-pdpr-ini-3-teknik-yang-boleh-cikgu-guna-sepanjang-kaedah-itu-berlangsung-1.937384> akses 20 April 2021.
- Rasmitadila, Aliyyah, R. R., Rachmadtullah, R., Samsudin, A., Syaodih, E., Nurtanto, M., & Tambunan, A. R. S. 2020. The perceptions of primary school teachers of online learning during the covid-19 pandemic period: A case study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies*.
- Rusdi @ Rosdi, Rubani N. S. 2016. Transformasi kurikulum kolej vokasional dalam kesediaan melahirkan k-worker: satu kajian kes Kolej Vokasional Kluang. (Masters Thesis). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sandra Gos Lucas, Douglas A. Bernstein. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step Guide* London:Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Siti Balqis Mahlan, & Muniroh Hamat. 2020. Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9 (September), 14–22.
- Song, D., & Bonk, C. J. 2016. Motivational factors in self-directed informal learning from online learning resources. *Cogent Education*, 3(1).
- Song, S. 2012. The digital challenge for the book industry: A viewpoint of Frankfurt Book Fair. *New Library World*, 113(7/8), 343-350. doi: <http://dx.doi.org/10.1108/03074801211244968>
- Umbit, A. F. & Taat, M. S. 2016. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan E- pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Pendidikan guru di Sarawak. *Jurnal Penyelidikan IPGK Bil.13*, 1-14.
- Yusnilita, N. 2020. The Impact of Online Learning: Student’s Views. *ETERNAL (English Teaching Journal)*, 11(1).
<http://ojs3.iainmadura.ac.id/index.php/nuansa/article/view/1102/846>
www.upm.edu.my/website/koleksi_ucapan/2002